

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Musabaqah Al-Quran: 70 juta saksi siaran langsung

KUALA LUMPUR, Jumaat— Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-23 yang akan berlangsung di Stadium Merdeka malam esok akan dirasmikan pembukaannya oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kira-kira 70 juta umat Islam di beberapa negara asing akan menyaksikan siaran langsung pembukaan musabaqah membaca Al-Quran itu.

Musabaqah selama lima hari akan disiarkan secara langsung ke lima negara Arab iaitu Mesir, Arab Saudi, Kuwait, Emiriah Arab Bersatu dan Libya.

Ini merupakan kali pertama Libya dan Mesir menerima siaran secara langsung upacara pembukaan Musabaqah membaca Quran peringkat antarabangsa itu.

Turut berangkat menyaksikan perasmian musabaqah itu ialah Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta Yang di Pertuan Besar dan Tengku Ampuan Besar Negeri Sembilan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, serta Yang Di-Pertuan Negeri dan isteri masing-masing akan turut hadir menyerikan musabaqah anta-

rabangsa yang diadakan setahun sekali itu.

Segala persiapan terakhir mengenai musabaqah tersebut telah siap diatur.

Astaka musabaqah tahun ini direka oleh Encik Ahmad bin Endot, seorang arkitek dari Jabatan Kerjaya (JKR). Dari ilham penciptanya, astaka tersebut berbentuk batu berlian.

Malam esok, setelah dihias indah dengan lampu-lampu berwarna-warni, astaka itu pasti memancarkan cahaya yang berkilauan menyerikan majlis musabaqah membaca Quran yang sungguh mulia itu.

Shingga ini, hampir semua qari dan qariah dari 25 negara yang menyertai musabaqah kali ini telah tiba di ibunegara.

Di majlis pembukaan musabaqah malam esok, para hakim serta qari dan qariah akan diperkenalkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kumpulan nasyid dari empat negeri iaitu Johor, Pahang, Pulau Pinang dan Sabah akan menyampaikan lagu-lagu nasyid.

Kesemua kumpulan itu kemudiannya akan menyampaikan lagu "Panggilan Jihad" secara beramal-ramal dengan iringan Pan-caragam Polis Diraja Malaysia.